

Anjungan
naim



JALINAN JPS ENGHUBUNG KELANTAN SILATURRAHIM

K E L A N T A N

<http://did.kelantan.gov.my> jps careline: 1 3 0 0 - 8 0 - 1 0 1 0 bil. 1/2015



Program
MENYUSURI SUNGAI KELANTAN
bersama Menteri Besar

Kelantan
Oleh: JPS Jajahan Kota Bharu / Tumpat



Sungai merupakan khazanah terpenting dalam kehidupan. Di atas kesedaran tentang betapa pentingnya perlindungan dan pemulihara sungai, JPS telah memulakan kempen ‘Cintailah Sungai Kita’ semenjak tahun 1993.

Justeru itulah, YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan serta rombongan iaitu YB exco infrastruktur, utiliti dan teknologi hijau, Dato' SUK Kelantan, Dato' Pengarah PTG, Pengarah JPS Kelantan, Timbalan JPS Kelantan serta pegawai-pegawai yang turut serta dengan Program Menyusuri Sungai Kelantan pada 16 April 2015. Program yang bermula di Tambatan Di Raja ke Kg. Laut, Tumpat dan Tendong, Pasir Mas adalah bertujuan untuk meninjau kerosakkan tebing akibat banjir luar biasa yang telah melanda Negeri Kelantan pada penghujung tahun 2014 yang lepas.

Dalam tinjauan ini, terdapat tebing sungai yang mengalami kerosakkan teruk yang memerlukan kerja-kerja pemulihan dan penstabilan tebing. Di samping itu juga program menyusuri sungai ini bertujuan memantau kerja-kerja pengorekkan dan pengambilan pasir oleh pengusaha-pengusaha pasir di sepanjang Sungai Kelantan.

YAB Dato' Menteri Besar memaklumkan Sungai Kelantan merupakan aset dan akan berusaha untuk menghidupkan dengan aktiviti-aktiviti di sepanjang sungai pada masa hadapan. Pengarah JPS Negeri Kelantan merakam jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.



Majlis Ramah Mesra Sempena Persaraan Dato' Sri Ketua Pengarah JPS Malaysia

Dato' Seri Ir. Hj. Ahmad Husaini b. Sulaiman

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Tanggal 16 Mac 2015 merupakan kunjungan terakhir Ketua Pengarah JPS Malaysia YABrs. Dato' Sri Ir. Ahmad Husaini b. Sulaiman ke JPS Kelantan sebelum bersara wajib sebagai penjawat awam. Majlis Ramah Mesra Dato' KP bersama semua kakitangan dan warga JPS Kelantan untuk kali terakhir telah di atur oleh Pengarah JPS Kelantan sendiri. Majlis ini diadakan di perkarangan Wisma JPS Negeri Kelantan yang dihadiri semua warga JPS Kelantan.

Dalam ucapan ramah mesranya, Dato' Sri KP telah berkesempatan berkongsi pengalaman suka duka beliau sepanjang perkhidmatan beliau dan menjadi orang terpenting dalam JPS Malaysia. Beliau juga sempat memberi nasihat yang berguna kepada semua warga JPS Kelantan supaya sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas.

Di kesempatan ini juga Dato' KP disediakan satu persembahan montaj kenang-kenangan sepanjang tempoh Dato' berkhidmat. Beliau juga dihaddiahkan cenderahati dari setiap bahagian dan jajahan sebagai tanda kenangan-kenangan. Yang paling istimewa Dato' disambut ulang tahun kelahiran yang ke 60 beliau.

"Jasamu dikenang"





LAWATAN DATO' KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA

Dato' Ir. Zainor Rahim b. Ibrahim
Oleh: Bahagian Korporat

Buat pertama kalinya, semenjak memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia, YABrs. Dato' Ir. Zainor Rahim B. Ibrahim telah membuat lawatan kerja ke JPS Negeri Kelantan pada 15 April 2015 yang lepas. Kehadirannya dinantikan oleh warga JPS Negeri Kelantan. Ketibaannya diiringi oleh Tuan Pengarah JPS Negeri Kelantan dan disambut mesra oleh pegawai-pegawai kanan JPS Kelantan serta kakitangan yang lain.

Pada siri kunjungan ke Negeri Cik Siti Wan Kembang ini, Dato' KP diberi taklimat mengenai pemohonan projek RMK-11 dan kerosakan banjir yang disebabkan oleh banjir luar biasa yang melanda Negeri Kelantan pada akhir tahun 2014. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah disamping ramah mesra di antara beliau dengan pegawai-pegawai kanan JPS Negeri Kelantan.

Kunjungan ini juga turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai (BPZP), JPS Malaysia iaitu Ir. Leong Tak Meng. Sebelah petang Dato' KP bertolak ke JPS Besut bagi siri lawatan beliau seterusnya.



TAHNIAH! kepada YABrs. Dato' diatas perlantikkan sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia yang baru.
Jkhlas dari seluruh warga JPS Negeri Kelantan



Lawatan Ketua Pengarah NAHRIM

serta rombongan

BILIK MESYU
JPS NFG
NEGERI KELANTAN

BILIK MESYU JAWATAN
WILAYAH NEGERI KELANTAN



Semenjak banjir besar melanda Negeri Kelantan pada Disember 2014 yang lalu, JPS Kelantan telah banyak dikunjungi oleh jabatan, agensi dan badan berkanun yang lain untuk mendapat maklumat, melawat tempat kejadian, berkongsi maklumat mengenai banjir tersebut.

Terbaru, Lawatan Ketua Pengarah NAHRIM serta rombongan ke Ibupejabat JPS Negeri Kelantan bagi membuat kajian dan berkongsi pengalaman mengenai banjir luar biasa yang jarang berlaku di Malaysia sebelum ini.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah JPS Kelantan yang dipengerusikan Ketua Pengarah NAHRIM. Selepas taklimat, semua rombongan dibawa ke tempat-tempat kejadian banjir, di seluruh kelantan.





Lawatan

PENGARAH Sumber Air & Hidrologi

sempena :
**Pasca Banjir & Lawatan
Banjir di Negeri Kelantan**

Oleh: Bahagian Sumber Air & Hidrologi

Selamat datang diucapkan kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (BPSAH) JPS Malaysia iaitu YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Abdul Nasir b. Bidin serta diiringi rombongan ke JPS Negeri Kelantan pada 3 Mac 2015.

Pada lawatan kali ini taklimat Pengumpulan Data Pasca Banjir Tahun 2014 disediakan dan disampaikan oleh Unit Ramalan Banjir Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi JPS Malaysia. Satu aplikasi terbaru yang dibangunkan (BPSAH) iaitu Apps untuk mengukur kedalaman banjir -Smart Measure Pro- yang boleh terus dimuat turun ke telefon menggunakan sistem android.

Demotrasi untuk mengukur kedalaman banjir dengan menggunakan aplikasi ini telah ditunjukkan oleh pihak (BPSAH). Lawatan ini juga turut disertai pelajar UNITEN untuk mendapatkan maklumat dan melawat tempat-tempat kejadian banjir besar di Kelantan.

Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut daerah yang akan dilawati dan diambil maklumat berkaitan banjir di tempat tersebut.



Majlis Penyampaian BANTUAN BANJIR

Oleh: Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan

Wisma JPS Negeri Kelantan - Selepas banjir besar melanda Negeri Kelantan, JPS Negeri Kelantan tidak putus-putus menerima sumbangan daripada pelbagai jabatan, agensi kerajaan, swasta, NGO untuk diagihkan kepada kakitangan yang telah ditimpa musibah banjir. Di antara yang terawal memberi sumbangan adalah JPS Wilayah Persekutuan, JPS Selangor, JPS Perlis dan Ibupejabat JPS Malaysia.

Majlis penyampaian bantuan ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' SUK Negeri Kelantan pada 7 Januari 2015. Dengan bantuan ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang terpaksa dihadapi oleh kakitangan yang turut menjadi mangsa banjir.

JPS Kelantan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi dan menghantar sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh Negeri Kelantan secara amnya.



MISI SUKARELAWAN CAKNA BANTUAN BANJIR



JPS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



JPS NEGERI PERLIS





Bencana banjir yang melanda Negeri Kelantan pada penghujung tahun lepas merupakan pengalaman pahit bagi semua rakyat Malaysia dan rakyat di Negeri Kelantan secara amnya. Banjir tersebut merupakan banjir terburuk yang pernah berlaku di negeri ini.

Tidak terkecuali pejabat daerah JPS juga terlibat dengan bencana banjir tersebut. Antara pejabat JPS yang paling teruk mengalami kerosakan pada kali ini ialah Pejabat Daerah JPS Pasir Mas, Pejabat Daerah JPS Tanah Merah dan Pejabat Daerah Tumpat.

Sebagai tanda prihatin dan rasa tanggungjawab, JPS Wilayah Persekutuan telah melancarkan skuad cakna bantuan banjir di JPS Kelantan. Skuad tersebut bersama-sama dalam gotong-royong membersihkan kawasan pejabat Daerah JPS Tanah Merah dan Pasir Mas. Boleh dikatakan hampir separuh kerosakan yang dialami pejabat daerah tersebut.

9 Buah Bot Telah Dihantar Ke Kelantan Yang Terdiri Daripada:-

- 2 Buah Daripada JPS PERAK
- 3 Buah Daripada JPS KEDAH
- 2 Buah Daripada JPS SELANGOR
- 1 Buah Daripada JPS TERENGGANU
- 1 Buah Daripada PLSK





Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan dan Sukan (KKS) kali ke 54/55 telah diadakan pada 2 April bertempat di perkarangan Wisma JPS Negeri Kelantan yang dihadiri oleh semua ahli yang berdaftar.

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-54/55

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JPS KELANTAN


Oleh: Kelab Kebajikan Dan Sukan JPS Kelantan

Mesyuarat Agung KKS kali ini telah dirasmikan oleh Yang Di Pertua KKS yang baru Tn. Ir. Hj. Shahimi b. Sharif selaku pengarah JPS Kelantan. Dalam ucapan dasarnya beliau begitu mementingkan hal-hal kebajikan yang perlu diterapkan dalam kelab atau berpersatuhan.

Dalam mesyuarat pada kali ini majlis dibentangkan laporan kewangan pada tahun 2014 dan 2015, juga membincangkan isu-isu yang dibangkitkan. Memandangkan pada tahun ini ramai kakitangan yang berpencen dan bertukar maka ahli jawatan kuasa perlu dibubar dan diadakan pemilihan ajk baru.

Di akhir majlis, YDP telah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak cemerlang dalam peperiksaan 2014.





Mesyuarat Agung Puspanita JPS Kelantan Ke-12

Oleh: Puspanita JPS Kelantan



Pada 12 Februari 2015 Puspanita JPS Kelantan telah mengadakan Mesyuarat Agung Kali ke 12 bertempat Bilik Mesyuarat Wawasan JPS Negeri Kelantan. Mesyuarat ini di penguruskan oleh Pengerusi **PUSPANITA** Negeri Kelantan iaitu Datin Hajjah Ros Aini bt. Haji Ghazali.

Pengerusi memaklumkan kakitangan wanita dan isteri pada setiap pegawai secara tidak langsung merupakan sayap kanan dan pemangkin bagi mencapai kejayaan untuk sesuatu bidang yang dilakukan.

Bagi memenuhi aktiviti pada kali ini, Puspanita JPS Negeri Kelantan telah mengadakan pertandingan gubahan hantaran.



Pray for kelantan

Oleh: Bahagian Korporat

Pada penghujung Disember tahun 2014 kelantan telah dikejutkan dengan kejadian banjir besar yang dikenali sebagai 'Bah Air Kuning' di mana telah mengakibatkan banyak kerosakan yang terjejas teruk di enam buah jajahan iaitu Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas, Machang, Kota Bharu dan Tumpat.

Banjir Besar pada kali ini telah melumpuhkan Bandar Kota Bharu sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dimana air dari hulu Kelantan telah mula memasuki bandar sejak pagi 24 Disember 2014.

Keperitan dan kemusnahan harta benda tidak dapat dijelaskan dengan kata-kata. Semua pihak yang menjadi mangsa banjir besar 2014 bersabar dengan ujian Allah S.W.T. Sesungguhnya bencana yang berlaku adalah sebagai satu tragedi dan menjadi sejarah di Kelantan dan Malaysia amnya.



Jadual Tazkirah Mingguan

BIL	TARIKH	USTAZ JEMPUTAN	TAJUK
1	15/2/2015	UST. MU'AAZ BIN HASSAN	KESEMPURNAAN SOLAT-SEMPURNAKAH SOLATKU
2	22/2/2015	UST. MOHAMAD YUSIZURIN B. MAT YUNUS	KERJA SATU IBADAH- HALAL HARAM DALAM PEKERJAAN
3	8/3/2015	UST. MOHD TAUFIK TEE B. ABDULLAH	SOLAT MENDIDIK HATI MANUSIA
4	29/3/2015	UST. MOHD FAISAN B. RAZALI	SIFAT MAHMUDAH DAN MAZMUMAH
5	19/4/2015	UST. MU'AAZ BIN HASSAN	HAK / ADAB DENGAN ALLAH
6	17/5/2015	UST. MOHD TAUFIK TEE B. ABDULLAH	HAK / ADAB DENGAN AL-QURAN
7	21/6/2015	UST. MOHD FAISAN B. RAZALI	HAK / ADAB DENGAN RASULLULLAH S.A.W
8	26/7/2015	UST. MU'AAZ BIN HASSAN	HAK / ADAB SEBAGAI GURU
9	16/8/2015	UST. MOHAMAD YUSIZURIN B. MAT YUNUS	HAK / ADAB PENUNTUT ILMU
10	20/9/2015	UST. MOHD KASHUADI B. ABD GHANI	HAK / ADAB KEPIMPINAN
11	18/10/2015	UST. MOHD FAISAN B. RAZALI	HAK / ADAB DENGAN IBUBAPA
12	29/11/2015	UST. MOHAMAD YUSIZURIN B. MAT YUNUS	HAK / ADAB TERHADAP DIRI
13	20/12/2015	UST. MOHD KASHUADI B. ABD GHANI	HAK / ADAB SUAMI ISTERI

"Semoga sanggup Allah mengetahui
berbehaya yang berbehaya,
berbehaya yang buatkan sebaik
merasa cemas & yang tidak
mengalami kesukaran amalannya."
HR Muslim



SIDANG
Redaksi '15

PENAUNG
Ir. Hj. Shahira bin Sharif

PENYELARAS
En. Kamal bin Mustapha

KETUA EDITOR
En. Mohd Fazli bin Mohd Noor

EDITOR
En. Fauzi bin Yakob
En. Nik Mohd Fazal bin Nik Zulkifli

JURUFOTO
En. Nik Mohd Fazal bin Nik Zulkifli

DITERBITKAN OLEH
Bahagian Korporat,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Kelantan

DIREKA GRAFIK OLEH

En. Nik Mohd Fazal bin Nik Zulkifli
Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar
untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email: mfazli@water.gov.my
No.Tel: 09-7419640

Email: nmfazal@kelantan.gov.my
No.Tel: 09-7419641

